



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SURVEI PEMBUATAN BULANAN 2024

PANDUAN MENGISI SOAL SELIDIK

A. PENDAHULUAN

1. Sektor Pembuatan adalah salah satu daripada sektor penting yang menyumbang kepada **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** di Malaysia. Sektor ini merupakan penyumbang utama kepada keperluan tenaga buruh negara. Pengumpulan data dan statistik bagi sektor Pembuatan amat diperlukan bagi membantu kerajaan dalam perancangan dan penggubalan dasar. Oleh yang demikian, kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia perlu memantau dengan teliti prestasi sektor ini. Jabatan Perangkaan Malaysia merupakan agensi utama kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diamanah dan dipertanggungjawab untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan perangkaan yang bertepatan masa dan terkini untuk memantau prestasi ekonomi dan juga pembangunan sosial negara. Justeru itu, respons tuan/puan kepada **SURVEI PEMBUATAN BULANAN** ini amatlah diperlukan.
2. Maklumat daripada Survei Pembuatan Bulanan ini digunakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia untuk mengeluarkan data terkini mengenai: Indeks Pengeluaran Perindustrian, nilai jualan, bilangan pekerja bergaji dan gaji & upah bagi sektor Pembuatan pada setiap bulan. Statistik ini disebarkan di bawah dua penerbitan berasingan bertajuk **"Indeks Pengeluaran Perindustrian"** dan **"Perangkaan Pembuatan Bulanan"** menerusi media cetak, elektronik dan sosial.
3. Maklumat di atas juga turut disiarkan melalui laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia. Sila layari ke laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia di alamat **"www.dosm.gov.my"** di bawah tajuk **"Keluaran Statistik Terkini"** untuk mendapatkan laporan ringkas dan salinan lembut kedua-dua penerbitan di atas.
4. Tanggungjawab mengemukakan maklumat untuk soal selidik ini adalah terletak kepada **pemilik** pertubuhan dan bukan wakil, setiausaha atau akauntannya, meskipun mereka boleh bertindak bagi pihak pemilik.
5. Survei ini dijalankan di bawah peruntukan **Akta Perangkaan 1965 (Disemak-1989)**. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik pertubuhan/individu yang diterima adalah **SULIT** dan tidak boleh dihebahkan kepada sesiapa atau mana-mana institusi di luar Jabatan. Maklumat yang diberikan dalam soal selidik ini akan diterbitkan di peringkat agregat. Akta ini juga memperuntukkan hukuman bagi yang tidak mematuhi.

B. ARAHAN AM

1. Tuan/puan dimohon melengkapkan **satu** salinan soal selidik **pada setiap bulan takwim** dan mengembalikannya kepada Jabatan Perangkaan Malaysia di negeri masing-masing sebelum **10hb.** bulan yang berikutnya. Misalnya, **soal selidik yang telah dilengkapkan bagi bulan rujukan Januari 2024 hendaklah dihantar kepada Jabatan ini sebelum 10hb. Februari 2024.** Alamat Jabatan Perangkaan Malaysia bagi Negeri berkenaan adalah seperti yang tercatat pada surat iringan.
2. Sila jawab semua soalan dan catatkan "Tiada" atau "Tidak Berkaitan" jika perlu. Sekiranya angka yang tepat tidak dapat diberi, sila kemukakan **anggaran yang munasabah.**
3. Semua angka yang dilaporkan mestilah berkaitan dengan aktiviti pembuatan yang dijalankan pada **setiap bulan takwim** dalam tahun ini.
4. Definisi Pembuatan:
"Perubahan secara fizikal, mekanikal atau kimia ke atas bahan bukan organik atau berorganik kepada produk baru sama ada kerja itu dilakukan oleh jentera yang digerakkan oleh kuasa atau tangan, sama ada dilakukan di kilang atau di rumah pekerja dan sama ada produk itu dijual secara borong atau runcit. Ia termasuk pemasangan bahagian komponen (kecuali jika kegiatan tersebut lebih sesuai dikelaskan sebagai pembinaan). Pertubuhan yang terutamanya menjalankan kerja pembaikan seperti pembaikan jentera juga tergolong dalam kegiatan ini dan dikelaskan mengikut produk yang dibaiki".
5. Sila tandatangan sebagai perakuan berhubung kesempurnaan dan ketepatan data yang dilaporkan (kecuali jika soal selidik dihantar melalui e-mel atau e-survei).

C. PENGHANTARAN SOAL SELIDIK

Tuan/puan diberi pilihan untuk menghantar soal selidik ini sama ada secara online melalui sistem e-survei di laman sesawang Jabatan, e-mel, faks atau pos.

1. **Online/E-Survei:** Pendaftaran untuk mengisi soal selidik melalui laman sesawang buat pertama kali boleh dilakukan melalui pautan **<https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam>**. Kata laluan dan kata kunci bagi capaian sistem online akan dihantar ke alamat e-mel yang telah didaftarkan. Panduan mengisi soal selidik juga disertakan dalam laman sesawang berkenaan.
2. **E-mel:** Soal selidik lengkap boleh juga dihantar kepada Jabatan Perangkaan melalui e-mel. Soal selidik tersebut tidak perlu ditandatangani. Walau bagaimanapun, sila penuhkan maklumat **Pengakuan** dengan lengkap.

Catatan:

- *Softcopy* soal selidik (dalam format Excel) akan dihantar kepada tuan/puan sekiranya diminta. Sila e-mel permohonan tuan/puan ke alamat e-mel seperti yang dibekalkan dalam surat iringan atau di muka hadapan soal selidik.
- Sekiranya terdapat gangguan teknikal dalam penghantaran menerusi e-mel, sila faks atau pos soal selidik berkenaan kepada kami dengan segera.

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

3. **Faks:** Soal selidik lengkap boleh dikemukakan secara faks menggunakan nombor yang tertera pada soal selidik atau surat iringan. Tuan/puan tidak perlu menghantar salinan asal. Walau bagaimanapun, sekiranya salinan faks tidak lengkap, tidak jelas dan sebagainya, tuan/puan akan diminta menghantar salinan soal selidik yang asal.
4. **Pos:** Soal selidik lengkap boleh dihantar melalui pos ke alamat Jabatan Perangkaan seperti yang telah dibekalkan. Bayaran pos tidak diperlukan.
Catatan:
 - Sila **sediakan** satu **salinan fail** soal selidik yang telah dilengkapkan pada setiap bulan untuk rujukan tuan/puan atau jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut.
5. Sila catatkan **nombor rujukan perangkaan** seperti yang diberi dan juga **nama** berserta **alamat syarikat** tuan/puan dalam setiap urusan surat-menyurat dengan Jabatan ini.

D. ARAHAN BERKAITAN SOAL SELIDIK

1. Soalan 1: Lokasi kilang

Sila nyatakan alamat kilang tuan/puan di ruangan yang disediakan.

2. Soalan 2: Pengeluaran dan jualan

Laporkan butiran **pengeluaran** dan **jualan** mengikut **produk** seperti yang tersenarai dalam soal selidik mengikut **unit kuantiti** yang telah ditetapkan. Sekiranya produk yang dikeluarkan oleh pertubuhan tuan/puan tidak tersenarai dalam soal selidik ini, sila laporkan jenis produk yang dibuat, nilai jualan serta unit kuantitinya dalam ruangan kosong yang disediakan.

Pengeluaran dalam bulan (kuantiti)

Laporkan kuantiti yang dikeluarkan bagi semua produk dalam bulan rujukan (tanpa mengambil kira bila ia akan dijual).

Termasuk:

- Kuantiti pengeluaran bagi produk yang dibuat oleh pertubuhan tuan/puan untuk pertubuhan lain dengan penerimaan bayaran.

Tidak termasuk:

- Kuantiti pengeluaran bagi produk pertubuhan tuan/puan yang dibuat oleh pertubuhan lain.

Jualan dalam bulan (di kilang)

Ia merujuk kepada **kuantiti jualan** dan **nilai jualan** (dalam RM) bagi **produk** berkaitan sepanjang bulan rujukan (tanpa mengira bila produk tersebut dikeluarkan, sama ada pada bulan tersebut atau pada bulan-bulan sebelumnya).

“**Jualan**” berlaku apabila **hak milik produk berpindah** daripada pertubuhan tuan/puan kepada pembeli. Nilai jualan yang dilaporkan adalah ‘nilai jualan bersih (di kilang)’, tidak termasuk diskaun yang diberi kepada pembeli dan pulangan yang diterima daripada pembeli atas sebab-sebab tertentu seperti barangan rosak, tidak memenuhi spesifikasi atau sebagainya.

Termasuk:

- Nilai jualan produk pembuatan yang dipindahkan kepada unit/pertubuhan lain di bawah milik pertubuhan tuan/puan. Guna **nilai buku**, jika tiada nilai jualan diperoleh.

Tidak termasuk:

- Kos penghantaran dari kilang sekiranya perkhidmatan pengangkutan luar digunakan
- Bayaran duti eksais
- Cukai ke atas pengeluaran atau jualan
- Bayaran pemasangan, pembaikan dan pembinaan.

Laporkan nilai jualan bagi produk yang dibuat daripada **bahan mentah sendiri** atau **bahan yang dibeli sendiri** oleh pertubuhan tuan/puan sahaja.

Tidak termasuk:

- Barang yang dibeli dan dijual tanpa diproses selanjutnya di kilang (nilai jualan seperti ini hendaklah ditunjukkan secara berasingan dalam **Soalan 3a**).

Bayaran perkhidmatan: Merujuk kepada upah yang diterima bagi kerja memproses untuk pertubuhan lain yang dijalankan dengan menggunakan bahan yang dibekalkan sendiri oleh pertubuhan berkenaan.

Soalan 2A: Nilai Kerja dan Soalan 2B: Unit Siap/Lengkap
(Merujuk kepada industri 30110 - Pembinaan kapal dan struktur terapung)

Soalan 2A: Nilai Kerja

Laporkan butiran **nilai kerja** mengikut **produk yang dibuat/dibaiki** seperti yang tersenarai dalam soal selidik. Walau bagaimanapun, sekiranya produk yang dikeluarkan oleh pertubuhan tuan/puan tidak tersenarai dalam soal selidik ini, sila laporkan jenis produk yang dibuat/dibaiki serta nilai kerja dalam ruangan kosong yang disediakan.

i. Nilai kerja dalam bulan - unit baru

Laporkan kuantiti unit baru apabila **aktiviti pembuatan produk/tugas** bermula dalam bulan rujukan (tanpa mengambil kira bila ia akan dijual).

Termasuk:

- Kuantiti pengeluaran bagi produk yang dibuat oleh pertubuhan tuan/puan untuk pertubuhan lain dengan penerimaan bayaran.

Tidak termasuk:

- Kuantiti pengeluaran bagi produk pertubuhan tuan/puan yang dibuat oleh pertubuhan lain.

ii. Nilai kerja dalam bulan - bilangan pembaikan/penaiktarafan

Laporkan kuantiti **pembaikan/penaiktarafan dalam bulan rujukan**.

Termasuk:

- Kuantiti produk yang dibaiki/dinaiktaraf oleh pertubuhan tuan/puan untuk pertubuhan lain dengan penerimaan bayaran.

Tidak termasuk:

- Kuantiti produk pertubuhan tuan/puan yang dibaiki/dinaiktaraf oleh pertubuhan lain.

iii. Nilai kerja dalam bulan

Ini merujuk kepada **nilai kerja** (dalam RM) bagi **produk** berkaitan yang dibuat dan masih belum siap sepenuhnya atau dibaiki sepanjang bulan rujukan.

Bayaran perkhidmatan: Merujuk kepada upah yang diterima bagi kerja memproses untuk pertubuhan lain yang dijalankan dengan menggunakan bahan yang dibekalkan sendiri oleh pertubuhan berkenaan.

Soalan 2B: Unit Siap/Lengkap

Laporkan butiran **unit siap/lengkap** mengikut **produk yang dibuat/dibaiki** seperti yang tersenarai dalam soal selidik. Walau bagaimanapun, sekiranya produk yang dikeluarkan oleh pertubuhan tuan/puan tidak tersenarai dalam soal selidik ini, sila laporkan jenis produk yang dibuat/dibaiki serta nilai unit siap/lengkap dalam ruangan kosong yang disediakan.

i. Unit siap/lengkap dalam bulan - unit baru

Laporkan kuantiti **unit siap/lengkap dalam bulan rujukan** (tanpa mengambil kira bila ia akan dijual).

Termasuk:

- Kuantiti produk yang dibuat oleh pertubuhan tuan/puan untuk pertubuhan lain dengan penerimaan bayaran.

Tidak termasuk:

- Kuantiti produk pertubuhan tuan/puan yang dibuat oleh pertubuhan lain.

ii. Unit siap dalam bulan - bilangan pembaikan/penaiktarafan

Laporkan kuantiti **unit siap hasil pembaikan/penaiktarafan dalam bulan rujukan**.

Termasuk:

- Kuantiti produk yang dibaiki/dinaiktaraf oleh pertubuhan tuan/puan untuk pertubuhan lain dengan penerimaan bayaran.

Tidak termasuk:

- Kuantiti produk pertubuhan tuan/puan yang dibaiki/dinaiktaraf oleh pertubuhan lain.

iii. **Unit siap/lengkap dalam bulan – nilai**

Ia merujuk kepada **nilai unit siap/lengkap** (dalam RM) bagi **produk** berkaitan yang dibuat/dibaiki sepanjang bulan rujukan.

Bayaran perkhidmatan: Merujuk kepada upah yang diterima bagi kerja memproses untuk pertubuhan lain yang dijalankan dengan menggunakan bahan yang dibekalkan sendiri oleh pertubuhan berkenaan.

Soalan 2: Nilai Kerja

(Merujuk kepada industri 33150 - Pembaikan dan penyelenggaraan kelengkapan pengangkutan kecuali motosikal dan basikal)

i. **Nilai kerja dalam bulan - bilangan pembaikan/penaiktarafan**

Laporkan kuantiti **pembaikan/penaiktarafan dalam bulan rujukan**.

Termasuk:

- Kuantiti produk yang dibaiki/dinaiktaraf oleh pertubuhan tuan/puan untuk pertubuhan lain dengan penerimaan bayaran.

Tidak termasuk:

- Kuantiti produk pertubuhan tuan/puan yang dibaiki/dinaiktaraf oleh pertubuhan lain.

ii. **Nilai kerja dalam bulan**

Ini merujuk kepada **nilai kerja** (dalam RM) bagi **produk** berkaitan yang dibuat/dibaiki sepanjang bulan rujukan.

3. **Soalan 3a:**

Nilai jualan (daripada barang / bahan yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya)

Merujuk kepada nilai jualan bagi semua barang yang dijual dalam keadaan yang sama tanpa melalui proses selanjutnya sama ada jualan semua itu adalah jualan borong atau jualan runcit.

Soalan 3b: Nilai bahan mentah, bahan pembakar dan bekalan yang dibeli

- a. Bahan mentah - bahan untuk menghasilkan sesuatu produk.
Contohnya: bahan mentah bagi kilang biskut (industri 10711) terdiri daripada tepung, gula, telur, marjerin dsb.
- b. Bahan pembakar - contohnya seperti petrol, diesel, minyak pelincir dsb.
- c. Bekalan - contohnya seperti bahan pembungkus, bekalan pejabat, bahan untuk pembaikan dan penyelenggaraan, bekalan elektrik dan air dsb.

4. **Soalan 4: Pekerja dan gaji & upah**

Meliputi bilangan pekerja mengikut jantina dan gaji & upah yang dibayar pada bulan rujukan.

Pekerja merujuk kepada bilangan pekerja seperti pada akhir bulan rujukan bagi empat (4) kategori pekerja berikut:

- a. Pemilik yang bekerja, rakan niaga aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji (semua ahli dan rakan niaga yang tidak menerima upah yang tetap)
- b. Pekerja yang diambil bekerja melalui kontraktor buruh
- c. Pekerja bergaji (sepenuh masa)
- d. Pekerja bergaji (sambilan)

Gaji & upah merujuk kepada semua bayaran tunai yang dibayar kepada pekerja dalam kategori 4(b), 4 (c) dan 4 (d) di atas pada bulan rujukan untuk waktu bekerja dan ganjaran untuk waktu tidak bekerja seperti untuk percutian tahunan atau cuti berbayar yang lain. Jumlah ini dilaporkan sebelum majikan membuat potongan bagi perkara di bawah tanggungjawab pekerja kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), insurans nyawa, insurans pengangguran dan lain-lain potongan berkaitan.

Termasuk:

- Bayaran kerja lebih masa;
- Bonus, komisen, insentif, elaun kos sara hidup; dan
- Upah yang dibayar bagi tempoh cuti rehat dan cuti sakit.

Tidak termasuk:

- Gaji & upah bagi pekerja di Jabatan Jualan yang terletak secara fizikal di alamat yang berlainan daripada kilang atau bagi Jabatan Jualan yang mungkin terletak di alamat yang sama dengan alamat kilang tetapi Jabatan Jualan ini dianggap sebagai unit yang berlainan daripada pertubuhan tersebut (perkara ini biasanya berlaku di kalangan pertubuhan yang besar);
- Caruman majikan kepada PERKESO dan KWSP; dan
- Bayaran pampasan dan saguhati kerana pemberhentian.

Pemilik yang bekerja dan rakan niaga aktif

Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga (sepenuh masa atau sambilan) yang bergiat aktif dalam urusan pertubuhan yang biasanya merupakan hak milik perseorangan atau perkongsian, **tidak termasuk** rakan kongsi tidak aktif.

Catatan:

- Kategori ini **tiada kaitan** dengan **pertubuhan** yang **diperbadankan** yang mana pemiliknya terdiri daripada pemegang ekuiti.

Pekerja keluarga yang tidak bergaji

Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara 'regular' sama ada dalam bentuk wang tunai atau mata benda bagi kerja yang dilakukan. Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik dan terus mendapatnya sama ada mereka bekerja atau tidak di pertubuhan tersebut.

Catatan:

- Kategori ini **tiada kaitan** dengan **pertubuhan** yang **diperbadankan** yang mana pemiliknya terdiri daripada pemegang ekuiti.

Pekerja yang diambil bekerja melalui kontraktor buruh

Merujuk kepada semua pekerja yang diambil bekerja melalui kontraktor buruh bagi bulan yang dilaporkan. Bagi pekerja yang diambil bekerja melalui kontraktor buruh, laporkan jumlah bayaran yang dibuat kepada kontraktor buruh yang menyediakan buruh.

Pekerja bergaji (sepenuh masa)

Merujuk kepada mereka yang biasanya bekerja untuk sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan/atau 20 hari sebulan. Mereka yang bekerja di luar, yang mana gaji dan perkhidmatannya di bawah kawalan pertubuhan itu, seperti wakil jualan, wakil kejuruteraan dan kakitangan penyelenggaraan dan pembaikan hendaklah dimasukkan, jika ada. Termasuk juga dalam kumpulan ini ialah pengurus dan pengarah pertubuhan korporat yang bergaji kecuali jika mereka hanya menerima pembayaran semata-mata kerana hadir dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah.

Pekerja bergaji (sambilan)

Merujuk kepada mereka yang bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan/atau kurang daripada 20 hari sebulan dan menerima gaji.

5. Soalan 5a: Bilangan hari dan syif pada bulan

- Bilangan hari kilang beroperasi dalam bulan rujukan
- Bilangan syif dalam sehari
- Jumlah jam dalam satu syif

Soalan 5b: Jumlah jam bekerja lebih masa pada bulan

- Kiraan dibuat seperti berikut:
Bilangan pekerja x jumlah jam lebih masa sehari x bilangan hari kilang beroperasi dalam bulan rujukan.

6. Soalan 6: Nilai stok dimiliki

Laporkan nilai stok dimiliki oleh pertubuhan ini pada **awal** dan **akhir** bulan. Pada dasarnya, inventori dinilai pada kos penggantian semasa, berdasarkan kepada **nilai pasaran** pada **tarikh rujukan**. Sekiranya ia tidak dapat diberikan, **nilai buku** boleh dilaporkan berserta catatan.

Keluaran siap

Merujuk kepada semua keluaran siap yang dibuat oleh pertubuhan pada bulan rujukan yang **telah sedia** untuk dijual.

Barang dalam proses

Ia merujuk kepada barang yang telah **diproses sebahagiannya** oleh pertubuhan dan lazimnya ia tidak akan dijual atau diserahkan kepada pertubuhan lain tanpa diproses selanjutnya.

Bahan mentah, bahan pembakar dan bekalan

Termasuk nilai bagi semua stok bahan mentah, bahagian dan komponen yang digunakan bagi menghasilkan produk; bahan api, bahan pembaikan dan penyelenggaraan, bekalan pejabat dan bekalan lain.

Termasuk:

- Bahan yang dimiliki oleh pertubuhan ini, tetapi dipegang oleh pertubuhan lain untuk diproses
- Nilai stok bahan dan bekalan yang digunakan dalam kerja pembinaan yang dibuat bagi kegunaan pertubuhan

Tidak termasuk:

- Bahan yang dimiliki oleh pertubuhan lain tetapi dipegang oleh pertubuhan ini untuk diproses
- Bahan dan bekalan yang dijual semula tanpa diproses hendaklah dimasukkan dalam stok barang untuk jualan semula.

Barang yang dibeli untuk dijual semula

Ia meliputi nilai bagi sebarang **stok barang** yang dibeli oleh pertubuhan dengan tujuan untuk dijual semula dalam bentuk yang sama, iaitu, tanpa diproses selanjutnya. Termasuk **stok bahan** dan **bekalan** yang dijual semula tanpa diproses yang pada asalnya dibeli untuk tujuan pengeluaran.

7. Soalan 7: Pesanan baru yang diterima

Ia terdiri daripada nilai semasa bagi semua pesanan baru yang diterima pada tempoh bulan rujukan (sama ada ia telah dijual dalam bulan semasa atau tidak). Pesanan ini merujuk kepada permintaan kepada produk yang dikeluarkan sendiri oleh pertubuhan atau diproses oleh pertubuhan lain secara kontrak. Perbezaan juga dibuat di antara pesanan tempatan dan pesanan yang diterima daripada luar negara.

Termasuk:

- Pesanan semula atau perubahan dalam pesanan

Tidak termasuk:

- Cukai ke atas pengeluaran atau jualan
- Cukai nilai ditambah
- Diskaun
- Pembatalan pesanan

8. Soalan 8: Kapasiti penggunaan kilang pada bulan rujukan

- a. **Nilai pengeluaran penuh** merujuk kepada nilai maksimum produk yang boleh dikeluarkan oleh kilang hasil daripada gabungan paling cekap antara mesin, bahan mentah dan tenaga pekerja pada bulan rujukan. Contohnya, nilai pengeluaran penuh Kilang A ialah mengeluarkan RM100,000 produk Y sebulan.
- b. **Nilai pengeluaran sebenar** merujuk kepada nilai sebenar produk yang dikeluarkan (pada bulan rujukan) berbanding dengan nilai maksimum produk yang boleh dikeluarkan oleh kilang. Contohnya, Kilang A mengeluarkan RM 80,000 produk Y pada bulan rujukan walaupun kemampuan maksimum nilai pengeluaran kilang ialah sebanyak RM 100,000 sebulan. Oleh itu, peratusan kapasiti penggunaan kilang pada bulan rujukan ialah 80%.

Catatan:

Peratusan kapasiti penggunaan kilang **tidak boleh melebihi** kapasiti **100%**.

- c. Merujuk kepada peraturan kapasiti penggunaan dalam Soalan 8a(3), berikut merupakan justifikasi sekiranya pengeluaran sebenar pada bulan semasa lebih rendah berbanding keupayaan pengeluaran penuh:

1. Kurang menguntungkan untuk beroperasi pada keupayaan pengeluaran penuh

Kilang mengalami kerugian sekiranya beroperasi pada pengeluaran penuh terutamanya kilang yang menghasilkan produk cepat luput seperti makanan.

2. Bekalan bahan tidak mencukupi

Bekalan bahan mentah tidak mencukupi untuk meneruskan operasi pengeluaran.

3. Pembaikan & penyelenggaraan mesin dan kelengkapan

Mesin yang digunakan untuk menghasilkan produk pada kapasiti penuh sedang diselenggarakan dan dalam proses pembaikan hingga menyebabkan operasi pengeluaran tergendala.

4. Inventori yang mencukupi

Stok yang dihasilkan telah mencukupi untuk sebulan dan tidak memerlukan penghasilan pertambahan produk.

5. Permintaan kurang

Kurang permintaan produk yang dikeluarkan daripada pengguna.

6. Kekurangan tenaga buruh

Kurang tenaga kerja untuk menghasilkan pengeluaran penuh pada bulan semasa.

7. Bahan bakar atau tenaga elektrik yang tidak mencukupi

Kekurangan bahan bakar atau terputus bahan tenaga elektrik yang mengganggu proses pengeluaran sehingga menyebabkan mesin atau operasi tidak dapat dijalankan terutamanya bagi kilang yang bergantung penuh dengan mesin (tenaga elektrik) dan bahan bakar.

8. Limitasi atau kerosakan mesin dan kelengkapan

Penghasilan produk menjadi perlahan disebabkan limitasi atau kekurangan mesin dan kelengkapan yang digunakan.

9. Pekerja kurang kompeten

Kurang pekerja yang berkemahiran untuk penghasilan produk dalam bulan semasa.

10. Limitasi ruang penyimpanan

Kilang mempunyai ruang penyimpanan yang terhad untuk menyimpan stok pada kapasiti penuh pada bulan semasa.

11. Kekangan logistik/pengangkutan

Kekangan logistik atau pengangkutan penghantaran bahan mentah ke kilang atau penghantaran produk yang dihasilkan kepada pengguna.

12. Penutupan kilang sementara

Kilang tidak beroperasi penuh sebulan pada bulan semasa termasuk kuarantin dan arahan penutupan sementara.

13. Kekangan kewangan

Kilang kekurangan modal (kewangan) untuk membeli bahan mentah dan pembayaran pekerja.

14. Mogok atau pemberhentian pekerja

Waktu bekerja kurang disebabkan kekurangan pekerja akibat mogok dan pemberhentian pekerja.

15. Operasi bermusim

Permintaan produk siap pada musim tertentu seperti musim perayaan, cuaca dan sebagainya.

16. Sekatan alam sekitar

Bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya.

17. Isu kualiti produk atau perkhidmatan

Produk yang terhasil tidak memenuhi syarat, standard atau spesifikasi yang ditetapkan.

9. Soalan 9: Jangkaan nilai jualan pada bulan hadapan

Sila buat jangkaan nilai jualan pada bulan berikutnya dengan menandakan sama ada ia menaik (+) atau menurun (-), dan berikan **peratus perubahan** nilai jualan tersebut berbanding bulan semasa, contoh (+) 20%.

10. Soalan 10: Ekonomi Digital

10.1 E-dagang

Urusniaga e-dagang adalah penjualan atau pembelian barangan atau perkhidmatan yang dijalankan melalui rangkaian pengkomputeran/internet dengan kaedah yang direka untuk tujuan menerima atau membuat pesanan (pembelian atau jualan). Urusniaga ini berlaku sama ada antara perniagaan, isi rumah, individu, kerajaan dan organisasi-organisasi awam/swasta lain. Kaedah pembayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan urusniaga e-dagang ini boleh dijalankan melalui atau bukan melalui rangkaian pengkomputeran/internet.

Urusniaga e-dagang termasuk pesanan yang dibuat di laman web, extranet atau Pertukaran Data Elektronik (EDI). Walau bagaimanapun, urusniaga yang dibuat melalui panggilan telefon, faks, e-mel dan yang seumpamanya tidak dikategorikan sebagai urusniaga e-dagang.

10.2 Jumlah hasil yang diperolehi melalui transaksi e-dagang

Merujuk kepada nilai hasil yang diperolehi melalui transaksi e-dagang.

10.3 Jumlah perbelanjaan melalui transaksi e-dagang

Merujuk kepada nilai perbelanjaan melalui transaksi e-dagang.

TAMAT

JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI

PENGHARGAAN ATAS KERJASAMA TUAN/PUAN.

TERIMA KASIH.